Tuah Rezeki RM10 RIBU
Unit Komunikasi Korporat
Telah Dihantar:26 April 2011 15:20
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students
26 APRIL 2011/22 JAMADILAWAL 1432H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasniza Mustafa
Gambar oleh : Abdul Halim Husain

TUAH REZEKI RM10 RIBU

UUM ONLINE: Insentif wang tunai berjumlah RM10 ribu telah dianugerahkan kepada dua orang pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menamatkan pengajian PhD dalam tempoh yang ditetapkan.

Mereka adalah Dr Mukhriz Izraf Azman Aziz dari Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS) dan Dr Siti Hadijah Che Mat juga dari kolej yang sama.

Dr Mukhriz, 33, tamat pengajian PhD di Lancaster University, United Kingdom (UK) dalam bidang *International Trade & Energy Economy* melahirkan rasa gembira di atas wang insentif yang diberikan kepada beliau.

Berasal dari Negeri Sembilan, Dr Mukhriz yang bakal menyambut kelahiran cahayamata kedua tidak lama lagi berkata, isterinya, Rosnita Ahmad adalah tulang belakang kejayaannya.

Dr Mukhriz merakamkan terima kasih kepada isterinya, ibubapa, adik-beradik serta rakan-rakan terutama di UK di atas segala dorongan dan semangat.

Katanya, pelbagai cabaran dilalui sepanjang pengajian di sana, namun ianya menguatkan semangat untuk menyelesaikan pengajian dan berprinsip bahawa orang Melayu juga boleh berjaya.

Menggenggam PhD dalam usia yang cukup muda, pastinya Dr Mukhriz menjadi inspirasi serta contoh terbaik bagi setiap pelajar agar turut berjaya sepertinya.

“Sentiasa berhubung melalui telefon dengan ibubapa tercinta di tanahair seminggu sekali juga antara rahsia kejayaan saya. Walaupun jauh di UK, saya tetap akan telefon kedua ibubapa saya demi memohon doa dan restu,” kata Dr Mukhriz.

Seorang lagi penerima wang insentif RM10 ribu, Dr Siti Hadijah Che Mat merasa amat terkejut dengan ganjaran yang diberikan.
Dr Siti Hadijah yang menyelesaikan pengajian PhDnya di UUM dalam bidang ekonomi berkata kejayaan yang dilakarnya hasil daripada disiplin yang tinggi.